



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 6/2016**

Rujukan : Bil ( 6 ) dlm.MBI.B1 /12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

Oktober 2016

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah Kanan Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**PERLAKSANAAN KAEDAH PELUPUSAN SECARA JUALAN SISA  
MENGUNAPAKAI 1 PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, pihak Majlis telah membuat penelitian dan semakan kepada **Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2007- Bab E – Pelupusan** dan juga **1PP khususnya kepada PK 2.6/2013 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan – Pelupusan** mengenai Kaedah Pelupusan Secara Jualan Sisa dan mendapati perkara berkaitan seperti berikut:

<b>PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 5 TAHUN 2007</b>	<b>1 PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)</b>
<p>Para 33.4 (b):</p> <p><i>Jualan Sisa dilaksanakan dengan cara:</i></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) <i>Tender mengikut peraturan di para 33.1 kecuali para 33.1 (b);</i></li><li>ii) <i>Sebutharga mengikut peraturan di para 33.2 kecuali para 33.2 (a); dan</i></li><li>iii) <i>Dipelawa kepada syarikat Bumiputra mengikut Negeri/Setempat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit). Keutamaan hendaklah diberikan kepada syarikat-syarikat setempat.</i></li></ul>	<p>Para 16.1 (i) &amp; (ii) :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) <i>Nilai perolehan asal bagi satu aset atau secara agregatnya tidak lebih daripada RM 50,000 atau beratnya kurang daripada 1000 kg hendaklah dilaksanakan secara JUALAN TERUS kepada mana-mana Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) dengan keutamaan kepada Bumiputra.</i></li><li>ii) <i>Nilai perolehan asal bagi satu aset atau secara agregatnya lebih daripada RM 50,000 atau beratnya lebih daripada 1000 kg hendaklah dilaksanakan secara TENDER/ SEBUTHARGA dengan keutamaan Syarikat Bumiputera mengikut Negeri/Setempat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit)</i></li></ul>

## ARAHAN KEWANGAN BIL. 6/2016

3. Melalui kaedah Pelupusan Secara Jualan Sisa mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2007 perlu ditawarkan secara tender atau sebutharga dan memerlukan tempoh masa yang lama tanpa mengira secara agregat nilai atau berat aset tersebut. Proses perolehan yang akan mengambil masa agak lama untuk diselesaikan ini juga kebanyakannya akan melebihi tempoh tindakan pelupusan iaitu tiga (3) bulan dari tarikh diluluskan dan ianya tidak efektif untuk digunakan kepada Jualan Sisa yang berskala lebih kecil.
4. Sehubungan dengan itu, Majlis telah bersetuju untuk menggunakan 1PP bagi Kaedah Pelupusan secara Jualan Sisa kerana mendapati nilai perolehan asal bagi satu aset atau secara agregatnya tidak lebih daripada RM 50,000 atau beratnya kurang daripada 1000kg boleh dilaksanakan secara **JUALAN TERUS** kepada mana-mana Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) dengan keutamaan kepada Bumiputra.
5. Oleh yang demikian, pihak jabatan yang terlibat hendaklah mendapatkan **sekurang-kurangnya tiga (3) sebutharga dari syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) dengan keutamaan kepada Bumiputra** tersebut dan memanjangkan kepada Bahagian Aset selaku urusetia untuk perakuan Kuasa Melulus Pelupusan Aset dan akan dimaklumkan semula syarikat yang telah diperakukan berjaya kepada pihak jabatan untuk tindakan menyediakan Bil Pelbagai bagi Jualan Pelupusan.
6. Kerjasama dan tindakan lanjut dari pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan kelancaran proses Pelupusan secara Jualan Sisa ini. **Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**“INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' ZAMRI BIN MAN)**  
Datuk Bandar Ipoh